

Lelaki mengaku jadi keldai akaun didenda RM10,000

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret Bausemalam kerana dengan sengaja membenarkan akaun bank atau instrumen pembayarannya digunakan bagi transaksi tanpa kebenaran.

Tertuduh berusia 31 tahun itu membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan di bawah Seksyen 424C(1) Kanun Keseksaan dibacakan di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan selama tiga bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman pen-

jara antara tiga hingga 10 tahun atau denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM150,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bau Superintenden Mohd Haide A Rahman dalam satu kenyataan berkata tertuduh didakwa secara berasingan bersama seorang lagi individu di bawah seksyen sama.

Bagaimanapun, seorang lagi tertuduh mengaku tidak bersalah dan mahkamah

membenarkan jaminan sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin tempatan serta menetapkan 28 April ini untuk sebutan semula kes.

Menurut beliau, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bau akan terus komited dalam memastikan pematuhan undang-undang serta tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran peruntukan undang-undang.

“Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa mematuhi undang-undang dan menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah kepada pihak polis bagi membantu usaha pencegahan jenayah secara berkesan,” katanya.